



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KNS DUNGUN RINTIS PERKHIDMATAN KESEJAHTERAAN DAN PSIKOSOSIAL LELAKI

DUNGUN, 19 JUN – Klinik Nur Sejahtera (KNS), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di sini, akan menjadi klinik rintis pertama di peringkat Negeri bagi perkhidmatan kesejahteraan dan psikososial khusus buat kaum lelaki berdasarkan keperluan semasa iaitu tambahan kepada fungsi utama KNS yang lebih menjurus kepada kesihatan reproduktif wanita.

Perkara ini dinyatakan oleh Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada majlis perasmian Sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan 2022 dan perasmian premis KNS Dungun, hari ini.

Tambahnya lagi, sempena sambutan Hari Bapa bertemakan ‘KASIH Bapa, Pelindung Keluarga’, KPWKM melalui LPPKN turut menawarkan saringan kesihatan percuma kepada 300 orang lelaki terawal khusus bagi penduduk sekitar Dungun dan 100 orang lelaki bagi setiap negeri bermula hari ini hingga 25 Jun 2022. Inisiatif ini adalah penghargaan kepada para bapa demi kesejahteraan diri dan keluarga, selari dengan konsep KASIH iaitu pengukuhan nilai-nilai kekeluargaan terutama elemen sihat dan selamat.

Menurut Datuk Seri Rina, “Daripada kes kaunseling yang dikendalikan oleh LPPKN mulai tahun 2019 hingga Jun 2022, sejumlah 22,156 klien lelaki telah menghadiri sesi kaunseling secara individu dan kelompok.

“Selain kesejahteraan emosi, kesihatan fizikal juga jangan diambil ringan. Para bapa perlu menjaga kesihatan dengan mengawal pemakanan dan melakukan aktiviti riadah bersama keluarga bagi mencegah pelbagai penyakit yang tidak diundang.” kata Rina Harun lagi.

Turut hadir ialah YB Tuan Haji Hanafiah bin Mat, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga & Pembangunan Nasional Negeri Terengganu, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, Puan Mastura binti Mohd Darby, Timbalan Pengerusi LPPKN dan Abdul Shukur bin Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN.

####

Disediakan oleh:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
Mohd Hafiz Che Othman: 019-4754143